

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa memohon untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut:-

| BIL | JAWATAN | GREED | KLASIFIKASI PERKHIDMATAN | GAJI | TARAF JAWATAN |
|-----|----------------------------|-------|---------------------------|------------|-----------------------------------|
| A | Penolong Pegawai Penilaian | W27 | Perkhidmatan Kewangan | RM1,610.00 | Kontrak (Contract For Service) |
| B | Juruteknik (Mekanikal) | J17 | Perkhidmatan Kejuruteraan | RM1,165.00 | |

SYARAT LANTIKAN

(A) PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN

1.1 Calon bagi lantikan jawatan ini hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari *18 tahun* pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Diploma dalam bidang pengurusan harta tanah atau pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- (d) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau lulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(B) JURUTEKNIK (MEKANIKAL)

1.2 Calon bagi lantikan jawatan ini hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari *18 tahun* pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Politeknik-Politeknik Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (d) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau lulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(e) Calon yang memiliki Sijil dalam bidang Automotif akan diberi keutamaan dalam jawatan ini.

1.3 Keutamaan diberi kepada calon yang sanggup berkhidmat di Pulau Tioman.

CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan yang boleh didapati di Pejabat Lembaga Pembangunan Tioman atau mengemukakan sampul surat berselem dan beralamat sendiri.
- (b) Semua permohonan hendaklah lengkap dengan Salinan Sijil, Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran yang telah disahkan. Permohonan hendaklah dialamatkan kepada:

**Pengurus Besar
Lembaga Pembangunan Tioman
No. A145-147, Tingkat 1&2
Lorong Tun Ismail 6
Sri Dagangan, 25000 Kuantan**

No. Tel: 09-5141206

KENYATAAN AM

- (a) Hanya pemohon-pemohon yang layak akan dipanggil temuduga. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan 6 bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (b) Tarikh tutup permohonan ialah sebelum atau **15 Mac 2013 (Jumaat)**.